

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dikemukakan oleh **YB JELEBU** pada **27 Oktober 2014** kerana ianya menyentuh isu dan perkara yang sama iaitu manipulasi harga ekoran pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) pada tahun hadapan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah dan sedang mengambil tindakan persediaan bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan untuk memanipulasikan harga dengan alasan GST. Dalam hal ini, sebarang perubahan harga berlaku hendaklah sejajar dengan perubahan kadar cukai GST. Oleh yang demikian, para pengguna akan dapat menikmati faedah penjimatan ekoran daripada pengurangan kadar cukai yang dikenakan.

Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian sebagai persediaan menghadapi GST meliputi aspek perundangan, penguatkuasaan, pengurusan maklumat harga, program advokasi dan Call Centre (Aduan) seperti yang berikut:

- 1) Menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang sedia ada. Akta ini telah dipinda bagi memantapkan penguatkuasaan dan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014 telah berkuatkuasa pada 1 September 2014. Satu peraturan berkaitan mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah telah digubal untuk melengkapi Akta ini. Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak

Munasabah) (Cukai Barang dan Perkhidmatan) ini sedang dalam fasa akhir penggubalan;

- 2) Menubuhkan Unit Antipencatutan di Bahagian Penguatkuasa Kementerian untuk mengambil tindakan penguatkuasaan bagi menangani isu-isu pencatutan oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab apabila GST dilaksanakan. Di samping 1,800 pegawai penguatkuasa yang sedia ada, Kerajaan Pusat telah meluluskan pertambahan jawatan sebanyak 472 perjawatan pada bulan Julai 2014 kepada Kementerian untuk memastikan penguatkuasaan yang lebih berkesan;
- 3) Mewujudkan satu sistem pengurusan data di Kementerian bagi memantau pergerakan harga sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan GST. Pangkalan data harga ini akan membantu Kerajaan mengenalpasti tren harga barangan dan perkhidmatan dalam pasaran dan sebagai rujukan asas kadar penentuan keuntungan yang munasabah. Fasa pertama kutipan harga telah bermula pada 25 Ogos 2014 dengan penglibatan 1,300 orang Pegawai Pemantau Harga (PPH);
- 4) Melaksanakan program advokasi dengan kerjasama Jabatan Kastam dan Kementerian Kewangan kepada peniaga dan pengguna untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai GST, penguatkuasaan pencatutan dan faedah sistem percukaian ini kepada rakyat dan negara; dan
- 5) Menambahbaik perkhidmatan dan sistem pengurusan aduan Pusat Pengurusan Aduan Pengguna yang sedia ada di Kementerian bagi menghadapi jangkaan peningkatan jumlah aduan dan pertanyaan daripada orang ramai.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Pemantauan dan pemeriksaan yang lebih intensif akan dijalankan oleh pegawai-pegawai penguatkuasa Kementerian ke semua peringkat perniagaan bagi menghadapi pelaksanaan GST. Mana-mana peniaga yang didapati mencatut akan diambil tindakan tegas di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.